PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Kenali sekolah digital pertama Malaysia



SAM ditubuhkan sebagai tindak balas bagi mengenal pasti keperluan mendesak untuk merapatkan jurang pembelajaran.

- Oleh Meja Rencana
- 2 September 2024, 9:00 am

SAUDARA PENGARANG,

SEKOLAH Anak Malaysia (SAM) ialah sebuah sekolah digital pertama di Malaysia. SAM merupakan sekolah digital pertama, di mana kurikulum dan kaedah pengajarannya dibangunkan khusus untuk persekitaran digital, bagi memastikan fleksibiliti, interaktiviti dan pembangunan sahsiah pelajar.

SAM ditubuhkan sebagai tindak balas terhadap Kajian Pemulihan Pasca-Covid LeapEd, yang mengenal pasti keperluan mendesak untuk merapatkan jurang pembelajaran. Keterdesakan ini kemudian dinyatakan dalam skor PISA 2023, yang menekankan keperluan kritikal untuk penyelesaian pendidikan yang berinovasi. Pasca pandemik Covid-19, kerajaan telah mengambil tindakan segera untuk memulihkan kerugian pembelajaran. Namun, keberhasilan pembelajaran di Malaysia kekal rendah, dengan menghadapi dua cabaran: menambah baik tahap pembelajaran dalam agregat dan memastikan golongan yang tidak berkemampuan tidak ketinggalan, menurut laporan Pemantauan Ekonomi Malaysia, Bank Dunia 2024.

Dengan visi untuk mencapai 10,000 pelajar pada dekad akan datang, SAM kini mempunyai pelajar dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga, dengan rancangan untuk

berkembang ke sekolah menengah atas pada tahun hadapan dan akan melancarkan program sekolah rendah menjelang 2026.

Kejayaan SAM disokong oleh perkongsian strategik dengan organisasi terkemuka yang berdedikasi untuk meningkatkan pengalaman pendidikan iaitu PayNet selaku sebuah syarikat teknologi kewangan terkemuka yang berdedikasi untuk memacu inovasi dalam ekonomi digital Malaysia, menjadikannya rakan kongsi utama dalam misi LeapEd untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada semua.

Sebagai rakan pengasas SAM, PayNet memainkan peranan penting dalam membiayai kurikulum berkaitan industri sekolah dan menyediakan biasiswa, dengan itu memperkasakan generasi pelajar akan datang dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk cemerlang dalam era digital. – UTUSAN

FARAH QISTINA
Kuala Lumpur